

R B420DEB  
HAHATHIR -DISKRIMINASI.  
(I) 1984

KUALA LUMPUR, 5 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YANG MEMANDANG BERAT PELBAGAI SEKATAN YANG DIKENAKAN KE ATAS PARA PELAJAR MALAYSIA DI SEBERANG LAUT, HARI INI MENUDUH BEBERAPABUAH KERAJAAN SENGAJA MEMBUAT KEPUTUSAN YANG MEMBEZA-BEZAKAN NEGARA MEHBANGUN DAN MEROSAKKAN KERJASAH ANTARABANGSA.

PERDANA MENTERI BERKATA ADALAH AMAT MENGECEWAKAN KERANA NEGARA-NECARA INI MEMBUAT KEPUTUSAN DALAM RANGKA KEPENTINCAN DALAM NEGERI MASING-MASING DAN KADANGKALA DI BAWAH TEKanan KEADAAN KEBANGSAAN, SOSIAL, EKONOMI DAN POLITIK.

+KAMI AMAT MEMANDANG BERAT SESETENGAH NEGARA MAJU MENGAMALKAN SIKAP PERMUSUHAN YANG TIDAK TERISYTIHAR INI SEHASA HENGGUBAL DASAR PELAJARAN MEREKA.

+PENGANAAN YURAN BELAJAR YANG TINCCI DAN QOTA YANG MENYEKAT BAGI PARA PELAJAR DARI SEBERANG LAUT ADALAH CONTOH ALIRAN YANG BERPANDANGAN SEMPIT INI, + TAHEAHNYA SEHASA HERASMIKAN HESYUARAT JAWATANKUASA PERUNDING RANCANGAN COLOMBO KALI KE-30 DISINI.

WALAUPUN PERDANA MENTERI TIDAK HENYEBUT NAHA KERAJAAN YANG TERLIBAT, TETAPI JELASLAH YANG DIMAKSUDKANNYA IALAH BRITAIN DAN AUSTRALIA9 YANG SEJAK BEBERAPA TAHUN LALU TELAH MENGENAKAN YURAN YANG TINGGI DAN QOTA KEMASUKAN PARA PELAJAR MALAYSIA YANG MELANJUTKAN PENGAJIAN DI SANA. -LAGI.

1256HST 05 11 84

D464

R B424 DEB  
MAHATHIR - DISKRIMINASI 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR MINGINGATKAN NEGARA-NEGARA MEWAHITU BAHAWA KEUNTUNGAN JANGKA'PENDEK INI DARI SEGI YURAN MISALNYA TIDAK DAPAT MENGIMBANGI'KEHILANGAN MUHIBBAHDARI SEGI 'JANGKA PANJANG.

+SAYA MENGGESA NEGARA-NEGARA ANGGOTA YANG HAJU MEMBERIKAN PERHATIAN SEWAJARNYA KEPADA PERTIMBANGAN INI APABILA MENGGUBAL DASAR MENGENAI PERTUKARAN LATIHAN DAN PENDIDIKAN, + KATANYA KEPADA 134 ORANG PESERTA DARI 25 NEGARA ANGGOTA RANCANGAN COLOMBO.

SEPULUH NEGARA BUKAN 'ANGGOTA DAN 18 BADAN ANTARABANGSA MENGHANTAR PARA PEMERHATI KE MESYUARAT ITU YANG DIDAHULUI OLEH PERBINCANGAN PERINGKAT PEGAWAI SELAMA DUA HARI YANG BERAKHIR PADA HARI SABTU.

SAMBIL MENARIK PERHATIAN TERHADAP JURANG YANG MASIH LUAS WUJUD DALAM KEADAAN EKONOHI DI KALANGAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN YANG MENGANGGOTAI RANCANGAN COLOMBO, DENGAN SESETENGAH NEGARA MEMPUNYAI KELUARAN NEGARA KASAR (GNP) DI BAWAH AS\$100, PERDANA MENTERI BERKATA I ERU BANYAK UCAHA HARUS DITUJUT UNTUK MEMBETULKAN PERBEZAAN INI.

SELAIN ITU, BELIAU MENARIK PERHATIAN TERHADAP JURANG BESAR YANG WUJUD DI ANTARA NEGARA-NEGARA ANGGOTA YANG MEMBANGUN DENGAN NEGARA-NEGARA YANG AMAT MISKIN. - LAGI.

1317MST 05 11 84

D468

R B427 DEB

MAHATHIR - DISKRIMINASI 3 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR PERCAYA SELAGI WUJUD JURANG LUAS DALAM PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI DI KALANGAN NEGARA-NEGARA, TUGAS RANCANGAN COLOMBO BELUM SELESAI.

+ MANAKALA SETIAP NEGARA ANGGOTA MENETAPKAN KEUTAMAAN MASING-MASING DALAM MENCAPAI PEMBANGUNAN EKONOMI DAN SOSIAL, SEMUA NEGARA ANGGOTA, SAYA PERCAYA, MENYEDARI KEPERLUAN BEKERJASAMA RAPAT DAN PERKONGSIAN TANGGUNGJAWAB SECARA JUJUR DALAM USAHA HENDAK MEWUJUDKAN SUSUNAN EKONOMI DAN SOSIAL YANG LEBIH ADIL. +

BELIAU MENYERU NEGARA-NEGARA MAJU SEGERA MENGHAPUSKAN KEBIMBANGAN, DAN DISKRIMINASI EKORANDARIPADA ITU, TERHADAP NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.

MENURUT BELIAU, LANGKAH-LANGKAH YANG DIAMBIL OLEH NEGARA MAJU AKAN MENGHALANGI KEMAJUAN LEBIH AWAL DI KALANGAN NEGARA MEMBANGUN DAN MELATAKKAN MEREKA DALAM KEADAAN MISKIN YANG BERKEKALAN.

PERDANA MENTERI MENARIK PERHATIAN BAHAWA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN TELAH MELALUI PUSINGAN PERTUMBUHAN DAN MASA INI MEMPUYAI PENGETAHUAN MEMPROSES SEPARUH DARIPADA BAHAN MENTAH MASING-MASING DAN MEREKA DAPAT MENGEKSPLOITASINYA DENGAN NILAI YANG LEBIH TINGGI. - LAGI.

D474

R 6429 DEB

MAHATHIR - DISKRIMINASI 4 KUALA LUMPUR

DALAH NADA MENYINDIR, BELIAU BERKATA: +MALANGNYA PARA PEMBELA PERDAGANGAN BEBAS DI KALANGAN NEGARA MAJU MENYATAKAN PERDAGANGAN BEBAS SEBENARNYA TIDAK BEGITU BAIK.

+BUKAN ITU SAJA, SESETENGAHNYA PULA TELAH BERGABUNG DALAM PERSATUAN-PERSATUAN EKONOMI YANG SEMATA-MATA BERTUJUAN HENYEKAT KEMASUKAN BARANG-BARANG DARI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN. DAN SELAMA INI, PERDAGANGAN BARANGAN UTAMA MASIH DIKAWAL OLEH MEREKA HENERUSI KELAB-KELAB PEMASARAN YANG EKSKLUSIF.

DR. MAHATHIR MENINGATKAN HERAKA SETAKAT MENGHASILKAN BARANGAN, UTAMA TIDAK SEKALI-KALI AKAN MENGUBAH CORAK NEGARA MEMBANGUN MENJADI NEGARA MAJU.

KEMAJUAN KE ARAH INI HANYA TERCAPAI JIKA NEGARA-NEGARA INI MEMASUKI BIDANG PEHEROSESAN DAN PERKILANGAN, UJARNYA.

PERDANA MENTERI JUGA MENYATAKAN BAHAWA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN TIDAK SEKALI-KALI DAPAT MENGGUGAT PERANAN NEGARA-NEGARA MAJU SEBAGAI PENGELUAR UTAMA BARANG-BARANG KILANG.--LAGI

1340MST 05 11 84

D 4 7 9

R 8431 DEB

MAHATHIR - DISKRIMINASI 5 KUALA LUMPUR

NEGARA-NEGARA MEMBANGUN HENDAKLAH MENUMPUKAN PERHATIAN TERHADAP KEGIATAN YANG KURANG SOFISTIKATED, TERUTAMA INDUSTRI YANG MENGGUNAKAN BANYAK TENAGA BURUH DAN YANG DEMIKIAN MENYOKONG KEPERLUAN INDUSTRI-INDUSTRI NEGARA MAJU.

TETAPI PERDANA MENTERI YAKIN WUJUD PELUANG NEGARA-NEGARA MEMBANGUN MENJADI LEBIH KAYA DAN TENTU AKAN MENJADI PELANGGAN YANG LEBIH BAIK BAGI NEGARA-NEGARA MAJU.

+OLEH ITU, NEGARA-NEGARA MAJU TIDAK SAJA HARUS MENERIMA PUTARAN PERTUHUHAN YANG SEDANG BERLAKU DI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN TETAPI HENDAKLAH PULA MEMBANTU PROSES ITU.+

DR. MAHATHIR HENEGASKAN PERLUNYA INTEGRASI KE DEPAN DAN KE BELAKANG DALAM STRATEGI PEMBANGUNAN MEMANDANGKAN BANYAK NEGARA ANGGOTA MEMBANGUN MEMPUNYAI SUMBER ASLI YANG MELEMPAH.

TETAPI USAHA MEREKA BOLEH DIGAGALKAN OLEH NEGARA-NEGARA MAJU MENERUSI PENGENAAN TARIF YANG LEBIH TINGGI KE ATAS BAHAN MENTAH YANG DIPROSES SEPerti MINYAK SAWIT, DAN MENERUSI KAWALAN KADAR TAMBANG UDARA, PERKAPALAN DAN INSURAN ATAU MENERUSI QOTA.

+SEKALIPUN ADA AMALAN DAGANGAN YANG TIDAK ADIL INI, NEGARA-NEGARA MEMBANGUN MESTILAH BERTAHAN DAN MENGURANGKAN KOS SEBANYAK MUNGKIN UNTUK BERSAING DENGAN BARANG KELUARAN YANG DIPROSES OLEH NEGARA-NEGARA MAJU. - BERNAMA.

1356MST 05 11 84